

15 FEB 1999

Mahathir-G15

G-15 MAHU JADI KUMPULAN AKTIF DI PERINGKAT ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kumpulan negara-negara membangun G-15 yang mengadakan sidang kemuncaknya di Jamaica minggu lepas mempunyai cita-cita untuk muncul sebagai satu kumpulan yang aktif dalam segala perjumpaan di peringkat antarabangsa.

"Pada masa ini G-15 berpendapat kumpulan 17 anggota itu tidak menzahirkan diri sebagai satu kumpulan, tidak ada mistik, kata mereka," kata Perdana Menteri kepada pemberita sekembalinya daripada sidang kemuncak itu.

Selepas mesyuarat G-15 itu, Dr Mahathir singgah di Paris dan mengadakan perbincangan dengan Presiden Perancis Jacques Chirac.

Beliau kemudian ke Amman, Jordan untuk menyampaikan ucapan takziah kepada Raja Abdullah secara peribadi berikutan kemangkatan Raja Hussein yang upacara pengkebumiannya minggu lepas tidak dapat dihadiri oleh beliau.

Dr Mahathir juga berkata beliau merasa gembira kerana anggota G-15 memberi sokongan penuh pendirian Malaysia berhubung kawalan modal selektif yang dilaksanakan bagi menghadapi krisis matawang.

Perdana Menteri berkata kumpulan itu juga turut meluahkan pandangan agar dibuat pengawasan terhadap globalisasi yang didakwa boleh mengancam ekonomi negara membangun.

Beliau berkata kebanyakan anggota kumpulan itu telah mengemukakan pertanyaan kepada beliau mengenai pendirian Malaysia berhubung kawalan modal kerana mereka tidak ada pengalaman dalam masalah susut nilai matawang.

Katanya kebanyakan mereka tidak faham bagaimana susut nilai matawang dilakukan dan siapa melakukannya dan siapa yang untung dan rugi bila masalah itu berlaku.

Berhubung kenyataan beliau yang Malaysia akan menghantar pegawai ke Senegal untuk menerangkan langkah Malaysia melaksanakan kawalan modal, Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai ramai pegawai yang berwibawa yang mampu memberi penerangan mengenainya.

Bila ditanya bagaimana dengan pendirian Brazil yang menghadapi susut nilai matawangnya tetapi tidak menggunakan Malaysia sebagai contoh mengatasi masalah itu, Dr Mahathir berkata pemimpin negara itu ada bertanyakan mengenai langkah yang diambil Malaysia tetapi negara itu tidak dapat mengambil langkah seperti Malaysia kerana ia terikat dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Sesiapa yang terikat dengan IMF amat sukar untuk menyatakan sesuatu kerana mungkin ia tidak disukai oleh IMF," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telah menyampaikan hasrat kumpulan G-15 itu kepada Chirac yang menyokong penuh pendirian kumpulan berkenaan serta pendirian Malaysia.

Mengenai lawatannya ke Jordan, Dr Mahathir berkata beliau bertemu Raja Abdullah dan isterinya serta Permaisuri Noor bagi menyampaikan takziah kepada keluarga Diraja Jordan.

Perdana Menteri berkata kunjungan itu wajar kerana Jordan adalah sahabat rapat Malaysia..

-- BERNAMA

ARA RON